



**JUALANG (lima kiri) bersama penerima APC dan Jasa Bakti PPIB UMSKAL.**

## Dua warga PPIB UMSKAL terima APC 2017

UB 5-9. 2018 AH

LABUAN: Dua warga Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017.

Mereka ialah Guru Bahasa Nur Shafiekah Sapan dan kakitangan Norfaizah Wahid.

Manakala dua pensyarah, Henry Bating dan Soon Chiow Thai menerima Jasa Bakti (10 tahun).

Majlis penyampaian sijil itu

disempurnakan oleh Dekan PPIB Prof Madya Dr Jualang @Azlan Abdullah Gansau di Bilik Mesyuarat PPIB, Bangunan Menara UMSKAL pada Isnin.

Turut hadir, Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) PPIB Dr Azri Ibrahim, Penolong Pendaftar Kanan PPIB Mohd Suhaimie Sahabuddin, Penyelaras PPIB KAL Dr Romzi Atong serta Penolong Pendaftar Tauffeck Haji Guntok dan Haji Taufek Abd Latip.

Jualang yang menghadiri

mesyuarat bersama pensyarah PPIB UMSKAL mengucapkan tahniah atas kejayaan warga PPIB menerima APC dan Jasa Bakti daripada UMS.

Katanya, anugerah seperti itu merupakan perangsang untuk meneruskan kecemerlangan dalam perkhidmatan dan kerjaya.

“Saya berharap warga PPIB meneruskan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan khususnya pelajar,” katanya.